

2 maut bas bawa pelancong India terbalik

'Brek rosak...brek rosak!'

Metro 6/3/12 MAS P.

FOTO | Abdullah Yusof, Effendy Rashid, Sairien Nafis dan CC Yong

>>Oleh Zaitie Satibi
dan Na'imah Mohamed
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Brek rosak...brek rosak." Itu antara jeritan seseorang kepada 22 penumpang bas persiaran sebelum kenderaan disewa pelancong dari India itu terbabas dan terbalik hingga mengorbankan dua nyawa di Genting Highlands, semalam.

Kemalangan berlaku jam 7.55 pagi di Kilometer 4.5, Jalan Genting Highlands-Kuala Lumpur ketika bas berkenaan dalam perjalanan turun dari pusat peranginan terbabit.

Seorang penumpang, Jaswinder Singh, 35, berkata, selepas terdengar jeritan itu, bas yang mereka naiki bergoyang dengan kuat dan tidak stabil.

"Ketika menuruni laluan berbukit, tiba-tiba saya dengar orang menjerit mengatakan brek bas rosak. Dia menjerit dua kali sebelum bas bergoyang dengan kuat.



CEMAS...sebahagian pelancong warga India diberi rawatan kecemasan selepas terbabit kemalangan, semalam.

Genting World Resort ucap takziah

KUALA LUMPUR: Genting World Resort dalam satu kenyataan mengucapkan takziah ke atas mangsa kemalangan bas di Kilometer 4.5 Jalan Genting Highlands - Kuala Lumpur pagi semalam.

Menurutnya, bas yang disewa itu dipercayai hilang kawalan dalam perjalanan turun ke Kuala Lumpur sebelum melanggar pembahagi jalan sehingga terbabas lalu terbalik di arah jalan bertentangan.

Pihak pengurusan resort

Saya berpada pada tempat duduk kerana bimbang terjatuh sebelum terdengar dentuman kuat dan berasa bas semakin senget sebelum terus terbalik,” katanya di wad kecemasan, Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini.

Menurutnya, selepas gagal dikawal, bas berkenaan melanggar tembok penghadang jalan sebelum terbalik di laluan berselekeh.

Dua penumpang yang terbunuh ialah Anita Aggarwal, 59, yang mati di tempat kejadian akibat parah di kepala manakala Rajendra Kumar Agarwal, 67, meninggal dunia seurus tiba di HKL.

Dua puluh penumpang lain cedera termasuk empat parah yang dirawat di Hospital Selayang dan HKL. Dua pemandu bas itu turut cedera.

Jaswinder yang cedera di dahi dan patah tangan kanan berkata, selepas bas mereka terbalik, suasana hiruk-pikuk dengan jeritan mangsa sebelum dia dia ditimpa tubuh isteri dan anaknya.

“Saya hanya memikirkan keselamatan isteri dan anak kerana tidak tahu keadaan mereka. Saya dapati darah keluar dari dahi saya yang luka dan tangan kanan pula terasa amat sakit.

“Mujurlah, pasukan penyelamat cepat tiba dan mengeluarkan kami dari bas



CEDERA... anggota penyelamat membawa mangsa yang cedera ke hospital.

RAWAT... mangsa yang cedera diberi rawatan kecemasan di tempat kejadian.

Bas terbabas, dua maut

Bas membawa 22 pelancong warganegara India terbabas dan melanggar pembahagi jalan sebelum terbalik 5 meter di hadapan jalan bertentangan



Lokasi kejadian
KM 4.5 Jalan Genting Highlands menghala ke Kuala Lumpur

dan menghantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan,” katanya.

Menurut Jaswinder, dia bercuti ke negara ini bersama isteri, Gurmit Kaur, 35, dan anak lelakinya, Manpreet Singh, dua tahun setengah, selepas tertarik dengan pakej pelancongan yang menawarkan dua lokasi percutian di negara ini dan Singapura.

“Saya membayar RM4,860 untuk pakej tiga orang yang menawarkan percutian ke Genting Highlands dan Singapura selama sembilan hari mulai 29 Februari lalu.

“Ketika kemalangan, kami dalam perjalanan ke Singapura selepas lima malam menginap di pusat perangan itu sebelum kembali ke India

itu turut menghantar resor pasukan ambulans dan satu van bagi membantu pihak berkuasa menghantar mangsa ke hospital.

Katanya, 14 mangsa dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL), sembilan ke Hospital Selayang (HS) manakala mangsa yang mati di tempat kejadian dihantar ke Hospital Bentong (HB) untuk bedah siasat.

“Kami turut menempatkan beberapa kakitangan untuk memberi bantuan kepada mangsa di hospital-hospital berkenaan,” katanya.

Khamis ini,” katanya yang berasal dari Lucknow, Uttar Pradesh di India.

Jaswinder yang juga peniaga dan mengusahakan kedai menjual buku sekolah, berkata ketika kemalangan dia sedang berbual dengan pelancong lain, manakala isterinya yang duduk di sebelah melayan anak mereka.



myMetroTV

Saksikan liputan video di
www.hmetro.com.my

5 mangsa atas jalan

Metro 6/3/12 MS9.

Ada pula penumpang seperti melekat pada dinding bas

FOTO | Effendy Rashid

Bombora dan penyelamat yang paling awal tiba di tempat kejadian bas pelancong terbalik di Kilometer 4.5 Jalan Genting Highlands-Kuala Lumpur, mendapati lima mangsa bergelimpangan di luar bas manakala selebihnya masih berada dalam bas yang remuk.

Seorang anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands, Syamsuri Kadir, 33, berkata, sebaik tiba di tempat kejadian, lima mangsa bergelimpangan di atas jalan sebelum diberi rawatan awal.

"Sejurus menyelamat mangsa itu, saya memasuki badan bas untuk mengeluarkan mangsa lain yang terselamat.

"Saya dapati seorang mangsa masih hidup, tetapi tidak dapat keluar kerana kepalanya tersepit antara kusyen kerusi dengan dinding bas," kata.

Menurutnya, dia memeriksa mangsa kerana keadaannya terlentang dengan kedudukannya seperti melekat pada dinding bas.

"Mangsa tidak boleh bercakap dan hanya kedengaran bunyi nafasnya dalam keadaan cemas. Saya dan rakan berhati-hati memotong bingkai tingkap bagi melepaskannya yang tersepit.

"Keadaan mangsa sangat lemah, tetapi masih memberi tindak balas. Kami terpaksa lebih berhati-hati mengeluarkan mangsa kerana ruangan sempit selain banyak kaca bertaburan," katanya.

Katanya, dia meneruskan usaha mengeluarkan mangsa lain dan menemui seorang wanita memakai sari terbaring di tengah bas.

"Kami yakin mangsa terakhir ini sudah meninggal dunia kerana tidak memberi tindak balas ketika dipanggil.

"Suasana semakin menyayat hati apabila penumpang yang tercedera dan ditempatkan di bahu jalan sementara menunggu ambulans tiba merintih kesakitan dan meminta tolong," katanya.

Syamsuri yang sudah 10 tahun berkhidmat berkata, pasukannya antara yang ter-



SABAR...mangsa ditenangkan selepas kemalangan.



SAKIT...antara mangsa kemalangan yang cedera.

awal tiba dan menjalankan operasi menyelamat mangsa kerana balainya paling hampir dengan tempat kejadian iaitu kira-kira empat kilometer.

"Sejurus tiba, saya lihat ada kira-kira lima mangsa bergelimpangan di luar bas sebelum ketua operasi membahagi-bahagikan tugas mengeluarkan mangsa.

"Walaupun ini bukan kejadian paling ngeri saya hadapi sepanjang bertugas, namun saya tetap bersimpati dengan nasib mangsa terbabit," katanya.

Sementara itu, Ketua Operasi dari Bomba dan Pe-

nyelamat Balai Genting, V Raganathan, berkata pihaknya menerima panggilan kira-kira jam 8.07 pagi dan mengambil masa kira-kira sejam bagi mengeluarkan semua mangsa yang tercedera.

Menurutnya, seramai 67 anggota dan pegawai termasuk dari balai bomba Selayang, Bentong, Karak, Kuala Kubu Bharu, Wangsa Maju, Gombak Selatan dan Hang Tuah dihantar ke tempat kejadian.

"Kami terpaksa menggunakan pemotong untuk mengeluarkan mangsa yang tersepit dan bertindih," katanya.